

# 'Kes Muhyiddin akan jejas sokongan terhadap PN'

Banyak pihak lihat sentuh isu 3R tindakan tidak bertanggungjawab

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pendakwaan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin atas pertuduhan mengeluarkan perkataan menghasut semasa kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri pada 14 Ogos lalu mampu menjejaskan sokongan rakyat kepada gabungan itu.

Bagaimanapun, penganalisis politik turut berpendapat, tuduhan ke atas bekas Perdana Menteri itu juga mungkin boleh menyuntik peluang kepada PN untuk mendapat perhatian ketika PRK DUN Mahkota di Johor bulan depan, terutama jika kerajaan tidak dapat menguruskan isu berkaitan kes itu dengan baik.

Penganalisis politik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata ramai yang melihat tindakan Muhyi-

ddin itu tidak bertanggungjawab dan sanggup mengeluarkan kenyataan tidak berasas memabitkan isu 3R yang merujuk agama, bangsa dan institusi diraja.

"Banyak pihak juga melihat kenyataan beliau tidak lagi penting apabila politik Malaysia sudah melangkah ke hadapan dan keluar daripada krisis, malah PN Pahang juga membuat kenyataan yang menyokong beliau diasasat.

"Dengan berlakunya kes ini, ia sedikit sebanyak menjejaskan sokongan kepada PN dalam PRK, namun kita menjangkakan PN akan menggunakan kempen memabitkan isu 3R ini bagi meraih sokongan walaupun ia boleh memberi kesan sebaliknya.

"Sikap Tan Sri Muhyiddin yang melihat kembali ke belakang ini dianggap suatu yang tidak sejajar perkembangan politik yang matang dan progresif ke hadapan," katanya kepada *BH*.

Kelmarin, Muhyiddin didakwa di Mahkamah Sesyen Gua Musang atas pertuduhan mengeluarkan perkataan menghasut ketika kempen PRK DUN Nenggiri pada 14 Ogos lalu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pagoh bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.



Berdasarkan pertuduhan, Muhyiddin didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 4(1) akta sama, membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## Beri kelebihan kepada PH

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Abdul Aziz Azizam, berkata terdapat dua pendapat utama dalam isu berkenaan, satu daripadanya ialah kenyataan Muhyiddin yang agak sensitif memberikan kelebihan kepada Pakatan Harapan (PH) dengan menunjukkan parti kerajaan lebih berdisiplin dalam mengendalikan kempen mereka. "Tindakan ini dapat menunjukkan ada garis yang perlu di-

patuhi sesiapa pun dalam mengeluarkan hujah yang sepatutnya mengelak daripada sebarang kenyataan yang mungkin memberikan kesan negatif kepada keharmonian.

"Kita tidak pasti sejauh mana perkara ini boleh memberikan kesan kepada PN dan PH tetapi kita tidak menolak yang isu ini boleh menjadi modal dan peluang kepada kedua-dua parti untuk dijadikan bahan kempen," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz berkata, pertuduhan itu juga sedikit sebanyak memberikan risiko kepada pihak kerajaan sekiranya isu berkaitan tidak diuruskan dengan baik.

"Rakyat kemungkinan akan menilai ia seolah-olah satu pertuduhan terpilih yang disensasikan kerana rakyat akan membandingkan ia dengan kes Iswardy Morni (Pengerusi Pro-Keadilan Sarawak pada 2021) yang juga terkait tuduhan menghina institusi Raja.

"Bagaimanapun, bagi PRK Mahkota yang akan diadakan nanti, saya fikir isu utama yang akan menjadi fokus adalah isu tempatan.

"Perkara yang berkaitan mahkamah adalah satu perkara yang agak berisiko bagi mana-mana pihak untuk disentuh ketika kempen," katanya.